

**TEORI “*COLOR SYMBOLISM*” DIDALAM  
FILEM ANIMASI PENDEK *KEMBALI***

OLEH

**MOHD HAZIQ BIN KASIM**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI SARJANA MUDA  
TEKNOLOGI KREATIF (ANIMASI DAN TEKNOLOGI SKRIN)(KEPUJIAN)**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SESI SEPT-JAN (2012)**

## AKUAN PENULIS

Saya, dengan ini mengaku bahawa kerja-kerja yang dihasilkan didalam mini tesis ini telah dilaksanakan selaras dengan peraturan yang telah dikemukakan oleh Universiti Teknologi MARA. Ia adalah hasil kerja saya dan ianya asli, kecuali ianya dinyatakan sebaliknya atau diakui sebagai sumber rujukan. Mini Tesis ini juga tidak pernah dihantar kepada mana-mana institusi akademik mahupun institusi bukan akademik untuk mendapatkan mana-mana penganugerahan ijazah atau kelayakan.

Saya juga dengan ini mengaku bahawa saya telah dibekalkan dengan Peraturan Akademik dan Peraturan untuk pos Siswazah, Universiti Teknologi MARA, untuk mengawal serta menyelia

Nama Pelajar : Mohd Haziq Bin Kasim  
No. Matrik : 2009762377  
Program : Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian) Animasi dan  
Teknologi Skrin.  
Fakulti : Filem, Teater and Animasi  
Tajuk Tesis : Teori "Color Symbolism" Didalam Filem Animasi Pendek  
*Kembali.*

Tandatangan Pelajar :  .....

Tarikh : 31 Disember 2012

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagiNya Tuhan sekalian alam. Melalui rahmat dan izin dariNya juga telah membolehkan diri yang kerdil ini untuk meneruskan kehidupan dan berjaya dalam menempuh dugaan serta cabaran sepanjang menyiapkan tugas mini tesis yang perlu dihasilkan ini dengan sempurna.

Diri ini juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak berbelah bahagi kepada Puan Putri Tasnim Bt. Mohd Arif selaku penyelia mini tesis ini yang telah banyak memberi bimbingan, bantuan serta kesabaran yang tinggi sepanjang penghasilan projek serta mini tesis yang telah disiapkan.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan yang turut membantu menyumbang dari sudut pencarian data yang berkaitan dan berguna dalam penghasilan projek serta mini tesis ini.

Tidak lupa juga diri ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu dan ayah yang dikasihi iaitu Halimahtun bt Abdullah serta Kasim bin Othman yang telah banyak memberi bantuan dari sudut kewangan serta memberikan semangat untuk bangun yang tidak terkira ketika diri ini menghadapi musibah serta kesabaran yang tinggi yang telah diberikan.

Di sini juga, saya dengan tulus ikhlas dan dengan rasa rendah diri ingin menyatakan penghargaan serta penghormatan yang tinggi kepada seorang rakan yang sama-sama berjuang dalam menuntut ilmu iaitu arwah Ahmad Danial bin Shamsul Bahrin serta keluarganya yang banyak menyumbang semangat serta menjadi inspirasi didalam penghasilan projek serta mini tesis ini.

Di akhir kata, saya ingin memohon doa agar tesis ini juga akan menjadi satu sumbangan penting terhadap masyarakat terutamanya didalam industri perfileman animasi tanah air.

Fakulti Filem, Teater dan Animasi

Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Puncak Perdana, Shah Alam,

Selangor.

## **ABSTRAK**

Teori Warna merupakan salah satu aspek terpenting dalam menghasilkan sesebuah filem terutamanya didalam filem animasi. Ini kerana sesebuah warna itu memiliki maksud-maksudnya yang tersendiri mengikut dari hasil kajian yang telah dirumuskan oleh sesetengah pengkaji. Teori Warna yang dikemukakan oleh para pengkaji ini juga kadang kala dilihat berbeza-beza diantara satu sama lain. Perkara ini berlaku akibat daripada sumber rujukan atau hasil kajian yang dibuat terhadap sesebuah subjek adalah tidak sama. Sebagai contoh, jika diamati dari sudut pengertian sesebuah warna diantara warna psikologi dan warna kerohanian adalah berbeza. Melalui sudut teori warna simbolisme yang kemukakan oleh Portal, simbol warna yang dikemukakan oleh beliau lebih kepada warna yang berunsur kerohanian manakala dari sudut kajian warna yang dikemukakan oleh Judy Scott Kemmis pula, ianya lebih menerangkan dari sudut psikologi. Oleh itu, adalah wajar sekiranya penulis memilih teori yang dikemukakan oleh Portal kerana naratif yang dihasilkan melalui filem animasi pendek Kembali memiliki unsur-unsur kerohanian. Antara tujuan kajian ini dihasilkan pula adalah untuk mengkaji serta mengenali tentang kepentingan dan penggunaan warna simbolisme di dalam membantu mempengaruhi serta memahami jalan penceritaan dalam filem animasi pendek “Kembali”. Seperti yang telah dinyatakan oleh penulis sebentar tadi, kajian ini juga dibuat berdasarkan teori Warna Simbolisme yang telah dikemukakan oleh Portal. Penulis juga cuba untuk menyetengahkan kajian ini kerana difahamkan bahawa warna mempunyai simbol yang sangat unik dari sudut pengertian didalam sesebuah budaya mahupun masyarakat.

## **ISI KANDUNGAN**

## **HALAMAN**

<b>PENGESAHAN</b>	I.
<b>TAJUK</b>	II.
<b>PENGAKUAN</b>	III.
<b>PENGHARGAAN</b>	IV.
<b>ABSTRAK</b>	V.
<b>ABSTRACT</b>	VI.
<b>ISI KANDUNGAN</b>	VII.

### **BAB 1            PENDAHULUAN**

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latarbelakang Kajian	2
1.2	Penyata Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Kerangka Teori	5
1.5	Kesimpulan	5